



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DASHWINI A/ P SELVAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP MURID  
BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN  
PENDENGARAN DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS  
INTEGRASI**

**DASHWINI A/ P SELVAM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN )**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12/03/2024**

### i. Perakuan Pelajar:

Saya, DASHWINI A/ P SELVAM, M20201000043 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya DR. ARDZULYNA BINTI ANAL dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

16/03/2024

\_\_\_\_\_  
Tarikh

DR. ARDZULYNA BINTI ANAL  
Penyayarah Kanan  
Jabatan Pendidikan Khas  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Gapura Nama & Official Stamp)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI

No. Matrik /Matric's No.:

M20201000043

Saya / I:

DASHWINI A/ P SELVAM

mengaku membenarkan Disertasi (Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*



1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)

Tarikh/Date: 16/03/2024

DR. ARDZULYNIA BINTI ANAL  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pendidikan Khas

(Tandatangan Penyayarah/Kanang / Signature of Supervisor)  
 Tarikh/Pembangunan Manusia  
 & (Nama & Gap Barisan Nama & Official Stamp)  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuda/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Salam Sejahtera. Sekalung penghargaan buat Dr. Ardzulyna Binti Anal, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh sabar dan kasih sayang, di samping menjadi inspirasi dan sumber rujukan bagi pengkaji. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala jasa budi dan pengorbanan yang telah diberikan oleh penyelia. Segala idea-idea yang disumbangkan oleh penyelia telah banyak memberikan pedoman yang amat berharga dalam kehidupan pengkaji. Tidak terlupa juga kepada ibu bapa Encik Selvam dan Pn. Manggamah serta datuk tercinta Encik Vengadasalam yang sentiasa memberikan dorongan dan bimbingan, di samping memberikan kata-kata semangat dan kekuatan untuk pengkaji terus berusaha dan berjuang demi melunaskan amanah ini. Terima kasih juga buat adik-beradik saya iaitu Kuhan, Saren, Suganthan, Vikneswari, Sarmela dan Kamlesh yang telah banyak memberi dorongan serta motivasi dari semasa ke semasa sepanjang proses menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Akhir sekali, ucapan terima kasih khas kepada rakan istimewa saya iaitu Thinagaran yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Segala bantuan, didikan, nasihat, tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan oleh semua pihak di atas telah membawa kepada satu hasil kejayaan yang amat bernilai dalam kehidupan pengkaji secara tidak langsung. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka tiga objektif kajian utama iaitu amalan pengajaran guru pendidikan khas kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ketidakupayaan pendengaran dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dengan mengenal pasti cabarancabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas dalam amalan mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran serta menghimpun pelbagai cadangan untuk menghasilkan modul panduan amalan pengajaran guru pendidikan khas. Kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes ini melibatkan enam orang guru pendidikan khas dari salah sebuah PPKI di Selangor dan tiga kaedah pengumpulan data telah ditadbir iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis data dilakukan melalui kaedah triangulasi secara manual. Dapatkan objektif kajian pertama menunjukkan bahawa terdapat enam tema terhadap amalan pengajaran kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran iaitu teknik mengajar yang pelbagai, persediaan guru, pengurusan bilik darjah, teknik komunikasi seluruh dan penggunaan Bahan Bantu Belajar yang menarik. Hasil dapatan objektif kajian kedua menunjukkan terdapat enam tema berkaitan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas yang mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran di PPKI iaitu kemahiran guru yang terhad proses pembelajaran dan pengajaran, sikap MBPK ketidakupayaan pendengaran, beban guru, kesesuaian sumber pelajaran, sokongan pihak sekolah dan sokongan ibu bapa. Hasil dapatan kajian ketiga pula menunjukkan tiga tema terhadap cadangan penambahbaikan seperti meningkatkan kemahiran guru, penyediaan sokongan bahan pengajaran serta tawaran kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru pendidikan khas. Kesimpulannya, guru-guru pendidikan khas menghadapi cabaran yang besar dalam aspek amalan pengajaran seperti dinyatakan dalam hasil kajian ini. Implikasi kajian analisis cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas memerlukan cadangan penambahbaikan agar satu panduan dalam amalan pengajaran dan pemudahcaraan yang berkualiti kepada MBPK Ketidakupayaan Pendengaran dapat dihasilkan.





## PRACTICES IN IMPLEMENTING TEACHING TO STUDENTS WITH HEARING DISABILITIES IN THE INTEGRATION SPECIAL EDUCATION PROGRAM (PPKI)

### ABSTRACT

This study aims to delve into three key objectives: examining teaching practices in special education tailored for students with hearing impairment in the Special Education Integration Program (PPKI), analyzing the challenges encountered by special education teachers in instructing students with hearing impairment, and compiling recommendations to enhance teaching practices within the PPKI Program for such students. This qualitative case study engaged six special education teachers from a PPKI institution in Selangor, employing three data collection methods: interviews, observations, and document analysis. Qualitative data analysis was executed through the triangulation method manually. The findings of the first objective elucidate six exemplary practices in instructing students with hearing impairment, encompassing differentiated teaching techniques, teacher preparation, effective classroom management, utilization of the total communication technique, and incorporation of captivating learning aids. The second objective's findings identify six overarching themes regarding challenges faced by special education teachers within the PPKI when educating students with hearing impairment, namely teachers' limited skills in the teaching and learning process, the attitudes of students with hearing impairment, teachers' burdens, appropriateness of learning resources, school support, and parental support. The third objective's findings propose three thematic areas for improvement, including enhancing teacher skills, providing support for teaching materials, and offering in-service courses to special education teachers. In conclusion, the study underscores the formidable challenges confronted by special education teachers in their instructional practices. The suggestions are vital elements to be implemented to devise a module in order to strengthen the quality of teaching and facilitation for the hearing-impaired students.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
--	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
-----------------------	-----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
----------------------	-------

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
--------------------------	----

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
-------------------------	----

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	14
1.7	Definisi Operasional	15
1.7.1	Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran	16





1.7.2	Guru – Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran	17
1.7.3	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran	18
1.7.4	Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	20
1.8	Batasan Kajian	21
1.9	Kesimpulan	23

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Perkembangan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Di Malaysia.	24
2.3	Perkembangan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran Luar Negara	27
2.4	Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas	28
2.4.1	Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran.	29
2.5	Cabaran-Cabaran Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Amalan Pengajaran Kepada MBPK Ketidakupayaan Pendengaran	36
2.6	Perkaitan <i>Model Framework of Teaching Danielson (2007)</i> dengan kajian	51
2.7	Keperluan Modul Panduan Amalan Pengajaran kepada Guru-Guru Pendidikan Khas	54
2.8	Kesimpulan	55

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Populasi dan Pensampelan Kajian	59
3.4	Instrumen Kajian	63





3.4.1	Protokol Temu Bual	63
3.4.2	Protokol Senarai Semak Pemerhatian	66
3.4.3	Analisis Dokumen	68
3.5	Kebolehpercayaan Dan Kesahan	69
3.5.1	Triangulasi Data Temu Bual dengan Data Pemerhatian dan Analisis Dokumen	71
3.5.2	Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual	71
3.5.3	Nilai Persetujuan Kappa Terhadap Pembentukan Tema dan Subtema	72
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	73
3.7	Prosedur Penganalisisan Data	75
3.8	Penutup	78

#### BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN



4.2	Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Kepada MBPK Ketidakupayaan Pendengaran Dalam PPKI.	80
4.2.1	Teknik Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran.	81
4.2.1.1	Teknik Pengurusan Diri	83
4.2.1.2	Teknik Visual	84
4.2.1.3	Teknik Mengajar Deduktif dan Induktif	86
4.2.1.4	Teknik Permainan dalam Pengajaran	90
4.2.1.5	Teknik Mempelbagaikan Latihan Mengikut Tahap Kefahaman MBPK	91
4.2.2	Penggunaan Kaedah Pertuturan Kiu	94
4.2.3	Penggunaan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang Sesuai	97
4.2.4	Pengurusan Bilik Darjah	100





4.2.5	Persediaan Guru	102
4.3	Cabaran-Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Amalan Mengajar MBPK Ketidakupayaan Pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	105
4.3.1	Kemahiran Guru	105
4.3.1.1	Penguasaan Kemahiran Pertuturan Kiu	105
4.3.1.2	Kurang Pengetahuan Guru Pendidikan Khas	108
4.3.2	Pengurusan Bilik Darjah	115
4.3.3	Beban Tugas Guru	118
4.3.4	Kesesuaian Kandungan Kurikulum	122
4.3.5	Kesesuaian Sumber Pelajaran	127
4.3.6	Penggunaan dan Kesesuaian Bahan Bantu Belajar	133
4.3.7	Tiada Garis Panduan yang Khusus	137
4.3.8	Sikap MBPK Ketidakupayaan Pendengaran	138
4.3.9	Sokongan Pihak Sekolah	142
4.3.10	Pihak Ibu Bapa/ Penjaga	144
4.4	Cadangan Penambahbaikan Amalan Pengajaran Guru-Guru Pendidikan Khas Terhadap MBPK Ketidakupayaan Pendengaran untuk Menghasilkan Modul Panduan	149
4.4.1	Kemahiran Guru Pendidikan Khas	149
4.4.1.1	Teknik Pengajaran	149
4.4.1.2	Penggunaan Bahan Bantu Belajar	150
4.4.1.3	Kemahiran Komunikasi (Pertuturan Kiu)	151
4.4.2	Sokongan Bahan Pengajaran Kepada Guru-Guru Pendidikan Khas	152
4.4.3	Kursus Dalam Perkhidmatan Kepada Guru-Guru Pendidikan Khas	153





4.5	Penutup	157
-----	---------	-----

## BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	158
5.2	Ringkasan Kajian	160
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	162
5.3.2	Teknik Pengajaran MBPK Ketidakupayaan Pendengaran	163
5.3.2.1	Pengurusan Diri	164
5.3.2.2	Pengajaran Induktif dan Deduktif	166
5.3.2.3	Penggunaan Teknik Permainan dalam Pengajaran	167
5.3.3	Penggunaan Kaedah Pertuturan Kiu	168
5.3.4	Penggunaan Bahan Bantu Belajar (BBB)	171
5.3.5	Pengurusan Bilik Darjah	174
5.3.5.1	Pengurusan Alat Bantu Pendengaran	174
5.3.5.2	Pengurusan Persekutaran Bilik Darjah	176
5.3.5.3	Peraturan Bilik Darjah	180
5.3.6	Persediaan Guru	182
5.4	Cabaran-Cabaran yang Dihadapi oleh Guru-Guru Pendidikan Khas Dalam Amalan Pengajaran	184
5.4.2	Kemahiran Guru Pendidikan Khas	185
5.4.2.1	Penguasaan Kemahiran Pertuturan Kiu	187
5.4.2.2	Pengetahuan Bidang Guru Pendidikan Khas	191
5.4.3	Pengurusan Bilik Darjah	197
5.4.4	Kesesuaian Kandungan Kurikulum	209





5.4.5	Pengetahuan Kandungan dan Kefahaman Guru terhadap Kurikulum	215
5.4.6	Kesesuaian Sumber Rujukan Dalam Pelajaran	219
5.4.7	Beban Tugas Seorang Guru Pendidikan Khas	225
5.4.8	Peruntukan BBB dan BBB Berteknologi	230
5.4.9	Penggunaan Bahan Bantu Belajar dalam PdPc	238
5.4.10	Sikap MBPK Ketidakupayaan Pendengaran	246
5.4.11	Sokongan Pihak Ibu Bapa	250
5.4.12	Sokongan Pihak Sekolah	254
5.4.13	Garis Panduan yang Khusus	257
5.5	Cadangan Penambahbaikan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran untuk Menghasilkan Modul Panduan	261
5.5.1	Penguasaan Kaedah Komunikasi Seluruh `	264
5.5.2	Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi Guru Pendidikan Khas	267
5.5.3	Keperluan Kursus Dan Latihan Kepada Guru-Guru Pendidikan Khas	270
5.5.4	Sokongan Bahan Bantu Belajar kepada Guru-Guru Pendidikan Khas	274
5.6	Implikasi dan Cadangan Kajian	279
5.6.1	Implikasi Kajian terhadap Amalan Pengajaran MBPK Ketidakupayaan Pendengaran	279
5.6.2	Implikasi Kajian terhadap Teori	280
5.6.3	Implikasi Kajian kepada Program Pendidikan Khas Integrasi (Sekolah)	282
5.6.4	Implikasi Kajian kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	283
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	284





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

5.8	Rumusan	286
5.9	Penutup	288
<b>RUJUKAN</b>		290
<b>LAMPIRAN</b>		328



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Tahap pendengaran individu menurut Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (2019).	19
3.1 Profil Peserta-Peserta Kajian	61
3.2 Inventori Protokol Temu Bual (Lampiran A)	65
3.3 Inventori Protokol Senarai Semak Pemerhatian (Lampiran B)	67





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Kerangka Kajian Pengadaptasian Model Framework of Teaching (Danielson, 2007)	15
2.1. Model Framework Teaching (Danielson, 2007) dan Perkaitan Dengan Kajian.	54
3.1. Kerangka Reka Bentuk Kajian	59
3.2. Rumusan Nilai Pekali Persetujuan dan Nilai Pekali Persetujuan (Landis dan Koch, 1977)	73
4.1. Analisis RPH menunjukkan GPK 1 menggunakan kepelbagaiannya aktiviti dalam PdPc	83
4.2. Analisis RPH GPK 1 menunjukkan guru mengutamakan pengurusan bilik darjah yang asas.	84
4.3. Analisis RPH GPK 2 menunjukkan bahan flashcards dalam PdPc.	85
4.4. Analisis RPH GPK 1 mengulangi topik yang sama untuk seminggu kepada kelas yang sama.	88
4.5. Analisis RPH menunjukkan kandungan RPH GPK 3 yang merancang aktiviti yang pelbagai bagi topik yang sama.	89
4.6. Analisis RPH menunjukkan GPK 2 merancang aktiviti permainan berdasarkan TMK.	91
4.7. Analisis RPH menunjukkan GPK 2 menggunakan pelbagai jenis latihan kepada murid-murid dalam kelas.	93
4.8. Analisis RPH menunjukkan GPK 6 menggunakan lembaran kerja yang pelbagai kepada murid-muridnya dalam satu sesi PdPc.	94
4.9. Analisis RPH menunjukkan GPK 1 merancang aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan penguasaan Kod Pertuturan Kiu	96
4.10. Analisis RPH menunjukkan RPH GPK 4 mempunyai catatan senarai Bahan Bantu Belajar (BBB) yang digunakan.	98





4.11.	Analisis RPH menunjukkan GPK 1 mempunyai catatan senarai Bahan Bantu Belajar (BBB) yang digunakan.	99
4.12.	Analisis RPH menunjukkan RPH GPK 6 mempunyai catatan langkah-langkah penggunaan BBB dalam PdPc	99
4.13.	Analisis RPH menunjukkan GPK 5 menggunakan cadangan BBB dalam PdPc seperti tercatat dalam DSKP.	100
4.14.	Analisis RPH menunjukkan GPK3 mencatatkan dalam refleksi RPHnya bahawa beliau tidak dapat melaksanakan PdPc kerana tingkah laku murid-muridnya.	102
4.15.	Rumusan Dapatan Objektif Kajian Pertama	104
4.16.	Refleksi GPK 2 dan GPK 6 yang mencatatkan bahawa MBPK Ketidakupayaan Pendengaran masih belum menguasai kod-kod pertuturan kiu.	108
4.17.	Bukti kandungan RPH GPK 1 yang tidak memiliki aktiviti PdPc yang pelbagai.	110
4.18.	Bukti kandungan RPH GPK 5 yang tidak memiliki aktiviti PdPc yang kurang sesuai	111
4.19.	Analisis RPH menunjukkan refleksi GPK 4 yang tidak mencapai objektif pembelajaran	111
4.20.	Analisis RPH menunjukkan RPH GPK 5 tidak selari dengan kandungan RPT	112
4.21.	Bukti banting menunjukkan Program PLC Penyelenggaraan Alat Bantu Dengar kepada guru-guru pendidikan khas.	113
4.22.	Analisis RPH menunjukkan refleksi GPK 5 yang mencatatkan bahawa objektif pembelajaran tidak dapat dicapai kerana murid-murid diganggu oleh murid-murid dari kelas lain.	118
4.23.	Analisis RPH menunjukkan refleksi GPK 6 yang membuktikan GPK 6 selalu tunda PdPcnya kerana terlibat dengan aktiviti-aktiviti di luar sekolah.	122
4.24.	Analisis RPH menunjukkan GPK 5 mengadaptasikan Standard Kandungan yang ditetapkan dengan objektif pembelajaran yang senang.	125
4.25.	Analisis RPH menunjukkan GPK 4 tidak mengajar mengikut RPT yang ditetapkan.	126
4.26.	Analisis RPH menunjukkan GPK 4 mengulangi topik Bumi selama seminggu.	127





4.27.	Analisis buku teks menunjukkan Kod Tangan yang berbeza dalam buku teks Pendidikan Islam Tahun 3 muka surat 28 dan Tahun 1 muka surat 68.	131
4.28.	Analisis buku menunjukkan perkataan Mekah dalam buku teks Pendidikan Islam Tahun 1 muka surat 75 dan Tahun 3 muka surat 80 juga mempunyai kesalahan penggunaan Kod Tangan Isyarat	131
4.29.	Analisis buku menunjukkan Kod Tangan Bahasa Isyarat yang terdapat dalam buku teks tidak sama dengan Kod yang terdapat dalam buku KTBM	132
4.30.	Analisis buku teks menunjukkan Kod Tangan Bahasa Isyarat yang terdapat dalam buku teks sangat kecil dan kurang jelas.	132
4.31.	Analisis RPH menunjukkan GPK 2 dan 5 yang tidak mempunyai catatan BBB.	136
4.32.	Analisis RPH menunjukkan contoh RPH GPK lain yang mempunyai catatan BBB dalam langkah-langkah PdPc dan RPH GPK 4 yang tidak mempunyai catatan BBB dalam langkah-langkah PdPc.	137
4.33.	Analisis RPH menunjukkan bahawa GPK 5 mengulangi satu topik selama beberapa kali.	141
4.34.	Analisis buku latihan menunjukkan Ibu bapa salah seorang murid tidak menandatangani buku latihan	146
4.35.	Analisis buku latihan menunjukkan kerja rumah murid yang tidak lengkap.	147
4.36.	Rumusan Dapatan Objektif Kajian Kedua: menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas dalam amalan mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran di program pendidikan khas integrasi (PPKI) dalam pelaksanaan amalan pengajaran yang baik.	148
4.37.	Rumusan Dapatan Objektif Kajian Ketiga	156





## SENARAI SINGKATAN

ABD	Alat Bantu Dengar
APDM	Analisis Pangkalan Data Murid
ASL	American Sign Language
BBB	Bahan Bantu Belajar
BIK	Bahasa Isyarat Komunikasi
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran



IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
LCD	Paparan Hablur Cecair
LPS	Latihan Pembangunan Staf
MBPK	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas





OKU	Orang Kurang Upaya
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdPc	Proses Pengajaran dan Pemudahcaraan
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PLC	Professional Learning Community
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPI	Rancangan Pengajaran Individu
RPT	Rancangan Pengajaran Individu
SPSS	Statistical Package For The Social Sciences
TMK	Teknologi Maklumat Komunikasi
WBC	Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB)





## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Protokol Temu Bual
- B Borang Protokol Pemerhatian
- C Borang Analisis Dokumen
- D Penganalisan Waktu Mengajar Guru Pendidikan Khas 2021
- E Senarai Tugas GPK 3
- F Contoh Rancangan Pengajaran Harian
- G Analisis Tugasan GPK-GPK Berdasarkan Buku Pengurusan Sekolah X
- H Rekod Kehadiran Hari Dialog Prestasi (2019,2020 dan 2021)
- I Rekod Kehadiran Mesyuarat Rancangan Pengajaran Individu (RPI) (2019,2020 dan 2021)
- J Buku Panduan Pengoperasian Pendidikan Khas
- K Analisis Peribadi Data Murid (APDM)





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Penyediaan peluang pendidikan sama rata kepada semua murid di Malaysia adalah matlamat utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia,2013). Berdasarkan *Universal Declaration of Human Right* (1948) dan diperkuuhkan oleh "The World Declaration on Education for All 1990 (United Nations, 1948), "setiap kanak-kanak dengan kecacatan mempunyai hak yang sama bagi menyatakan kehendaknya terhadap pendidikan dan ibu bapa mereka mempunyai hak menentukan jenis pendidikan yang sesuai bagi anak mereka" (Jabatan Pendidikan Khas, 1998).

Konsep ini juga masih dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan (*Zero-Reject Policy*) secara menyeluruh bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Sehubungan itu, Nursohana dan Mohd Ewan (2019) berpendapat bahawa dasar ini diperkenalkan serta melaksanakan bagi





memastikan bahawa tiada murid dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) dinafikan daripada memasuki alam persekolahanserta memastikan golongan ini mendapat hak pendidikan yang sama seperti murid-murid tipikal yang lain.

Sehubungan itu, sistem pendidikan khas di Malaysia juga mempunyai tiga jenis program iaitu program sekolah khas, program integrasi dan program inklusif. Program integrasi dilaksanakan sepenuhnya di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) supaya memastikan MBPK mendapat pendidikan dalam persekitaran terhadap yang minimum (LRE) dengan ditempatkan di kelas khas di sekolah harian biasa supaya mereka dapat bergaul dengan murid biasa dan tidak rasa terpinggir. Menurut Data Pendidikan Khas Tahun 2019, terdapat sebanyak 34 sekolah pendidikan khas telah diwujudkan di seluruh Malaysia demi memberi peluang pendidikan kepada MBPK manakala terdapat 160 sekolah rendah harian biasa di seluruh Malaysia sedang melaksanakan program integrasi bagi MBPK ketidakupayaan pendengaran (Bahagian Pendidikan Khas, 2019). Demi menjayakan sesebuah program integrasi, sumbangan tenaga pengajar merupakan antara aspek yang perlu dititikberatkan. Pada zaman kini, tenaga pengajar sedang menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka sebagai seorang guru yang mendidik MBPK terutamanyadi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Tambahan pula, bagi memenuhi keperluan individu khas, proses pengajaran dan pembelajaran dibentuk secara fleksibel berpandukan Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2015). Antara peraturannya adalah guru pendidikan khas perlu berfikiran tajam dalam pengadaptasian terhadap kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran serta berkemahiran untuk menyusun aktiviti serta





menginovasikan bahan bantu belajar (BBB) yang sesuai dengan tahap kefahaman MBPK. Hal ini juga berkait rapat dengan hasrat KPM dalam Gelombang 3 (2021-2025) PPPM iaitu pembangunan model kejayaan sekolah berdasarkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran supaya meningkatkan pencapaian ke tahap yang lebih cemerlang.

Demi mencapai matlamat tersebut, penglibatan penuh dan kesamarataan dalam pendidikan adalah amat penting termasuklah program pendidikan khas. Hasnah Hasnah, Hanaf dan Sazlina (2016) berpendapat bahawa guru pendidikan khas merupakan agen utama dalam keberhasilan serta melestarikan aspirasi MBPK dalam sesebuah Sekolah Pendidikan Khas atau Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Sehubungan dengan itu, PPKI merupakan satu program yang ditawarkan kepada

MBPK ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan dan masalah pembelajaran. Program ini diwujudkan di sekolah biasa harian yang

menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

Pada masa kini, sistem pendidikan di negara kita sedang menghadapi pelbagai perubahan dari semasa ke semasa dan rentetan daripada itu amanah dalam bidang tugas guru-guru terutamanya bagi guru-guru pendidikan khas. Selaras dengan pandangan Luckner dan Dorn (2017) menyatakan bahawa iaitu tugas hakiki seseorang guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran merupakan satu tanggungjawab yang berat. Misalnya, guru-guru pendidikan khas perlu merancang dan melaksanakan PdPc yang berkesan dan bersesuaian supaya mereka tidak akan





ketinggalan dalam pelajaran dan diberi peluang untuk menyumbang ke arah kemajuan masyarakat dan negara pada masa yang akan datang.

Lanjutan daripada itu, pemberian peluang yang sama rata kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, keturunan serta kekurangan ke arah kemajuan negara sangat berkait rapat dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah dicadangkan dan dibangunkan oleh penyelidik dari Institut Masa Depan Malaysia (MASA) pada September 2018 (Mohd Yusof Saari, 2019). Gagasan WKB 2030 ini menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. Tambahan pula, gagasan ini juga berfokus melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran yang tinggi melalui mewujudkan masyarakat peribelajar. Sementelahan, tunjang ini lebih bertumpu ke arah budaya yang mementingkan pendidikan serta meliputi dengan kemahiran dan nilai-nilai yang perlu ada pada seseorang individu yang sempurna dalam masyarakat (Muhyiddin Yassin, 2019).

Dalam hal ini juga, hala tuju KPM dalam WKB 2030 ini adalah mengaplikasikan strategi transformasi modal insan dengan melahirkan rakyat Malaysia yang lebih produktif ; efektif ; berkemahiran ; berteknologi dan bernilai tinggi. Demi mencapai hala tuju yang difokuskan dalam WKB 2030 terhadap individu-individu berkeperluan khas, peranan guru pendidikan khas adalah mustahak. Sehubungan dengan itu, guru-guru pendidikan khas perlu melengkapi diri dengan pelbagai kemahiran PdPc yang berkesan pada abad ke -21 seperti kreatif dan inovatif, kemahiran penyelesaian masalah, mempunyai keupayaan untuk mengadakan dan mengekalkan hubungan bilik darjah antara guru dan murid yang positif serta selalu memberi motivasi kepada MBPK (Korn, Woodard, & Tucker, 2016). Selaras dengan itu, dari perspektif





lain guru-guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran juga perlu memiliki kemahiran komunikasi yang tinggi serta mempunyai kemahiran pengadaptasian strategi dan kaedah pengajaran yang berbeza. Sudah terang lagi bersuluh, semakin hari kita semakin mengamalkan ambang pembelajaran abad ke-21. Keadaan ini menandakan titik permulaan pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal dihambat oleh guru-guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran. Justeru, kajian ini telah dilaksanakan untuk mencerminkan keadaan sebenar di PPKI MBPK ketidakupayaan pendengaran.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Demi memartabatkan sektor pendidikan dengan pelbagai kemajuan dan pembangunan kerajaan Malaysia telah memperuntukkan dana yang sebanyak 15.6% iaitu sebanyak RM50.4 bilion kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bawah Belanjawan 2021 (Zanariah, 2020).

Kualiti pendidikan hanya boleh terjamin jika semua ahli dalam dunia pendidikan ini turut bekerjasama antara satu sama lain dalam mendidik semua murid tanpa mengira kaum, agama, status ekonomi serta kurang mampuan. Justeru, Saiful Azam (2017) menegaskan bahawa sistem pendidikan di Malaysia juga tidak mengabaikan MBPK dan sentiasa berusaha untuk menyediakan perkembangan optimum kanak-kanak dengan keperluan-keperluan pendidikan khas agar dapat berfungsi sebagai individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan sendiri, boleh menyedari potensi sendiri dan boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat.





Pengajaran dan pembelajaran MBPK ketidakupayaan pendengaran di sekolah pendidikan khas dan di PPKI dilaksanakan berpandukan kurikulum aliran perdana yang telah diubahsuai mengikut kebolehan MBPK ketidakupayaan pendengaran. Di Malaysia, merujuk kepada Data Pendidikan Khas (2020), seramai 16074 orang guru pendidikan khas telah pun ditempatkan bagi mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran demi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lancar di SKPKatau program pendidikan khas. Ini menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan khas juga memainkan peranan penting sebagai agen perubahan dalam dunia pendidikan khas iaitu mengamalkan pelbagai amalan pengajaran yang baik kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran.

Menjadi seorang pendidik kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran bukanlah suatu tugas yang mudah. Pastinya pelbagai cabaran yang perlu dihadapi khususnya dalam pengajaran seperti mana dibuktikan dalam beberapa kajian lepas bahawa guru-guru pendidikan khas menghadapi cabaran besar dalam pengajaran MBPK ketidakupayaan pendengaran. Antara cabaran dalam pengajaran adalah penguasaan teknik komunikasi yang sesuai (Manga & Masuku, 2020); isu salah penempatan guru pendidikan khas dalam bidang ini dikenalpasti menjadi punca seseorang guru itu menghadapi cabaran dalam mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran dengan lebih baik (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana, 2018).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Amalan pengajaran dalam pendidikan khas secara umumnya berpusat kepada beberapa komposisi seperti kualiti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pendidik, kesesuaian





mengajar dan penyediaan pengajaran (Kama Shaffei, 2019). Sehubungan dengan itu, amalan pengajaran pula merangkumi empat faktor utama yang perlu ada pada seseorang guru iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, intensif dan masa. Tambahan pula, aspek-aspek seperti latar belakang guru, pengalaman mengajar, kehadiran kursus, prestasi sekolah, pelajar, sokongan pentadbir, ibu bapa serta kemudahan sekolah merupakan antara ciri yang mempengaruhi amalan pengajaran seseorang guru yang terbaik (Lai, 2015).

Dalam konteks kajian ini, amalan pengajaran kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran berfokus pada kelayakan guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran dengan memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan pedagogi yang efektif serta mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran dengan menggunakan kurikulum arus perdana. Sebagai analoginya, antara amalan pengajaran MBPK ketidakupayaan pendengaran yang difokuskan dalam kajian ini adalah kepelbagaiannya strategi PdPc, pengubahsuaian dan pengadaptasian kaedah PdPc serta pengurusan kelas yang sangat berkesan yang selaras dengan kehendak dan tahap MBPK ketidakupayaan pendengaran dan sebagainya (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Pada masa yang sama, kajian Nur Kholis, Purwowibowo dan Ibra (2019) turut menambahkan bahawa amalan pengajaran kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran harus mewujudkan satu sesi interaksi antara satu sama lain dengan mengamalkan kaedah komunikasi seluruh.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menyenaraikan amalan pengajaran berkesan yang perlu dilaksanakan oleh guru iaitu seorang guru yang mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran adalah guru perlu bijak menguruskan MBPK





ketidakupayaan pendengaran yang mempunyai masalah psikomotor dengan mengubahsuai aktiviti yang bersesuaian dengan mereka (Shields & Lennox, 2017) ; kemahiran komunikasi, teknik oral, komunikasi seluruh dan penggunaan dwibahasa dalam pengajaran (Regina Vieira, & Molina, 2018); guru harus menguasai kemahiran komunikasi seluruh seperti bahasa isyarat, teknik ejaan jari serta bijak menunjukkan ekspresi muka apabila melaksanakan sesuatu PdPc (Andrews,2017); mendahulukan aspek pengurusan bilik darjah dengan menekankan aspek mengawal bunyi bising dalam bilik darjah supaya tidak menganggu proses PdPc seseorang MBPK ketidakupayaan pendengaran (Gremp & Easterbrooks, 2018).

Selain itu, dapatan kajian Ugwuanyi et al (2017) mengatakan bahawa kaedah komunikasi seluruh (*total communication*) merupakan salah satu pendekatan komunikasi yang berkesan kepada MBPK<sup>a</sup> ketidakupayaan pendengaran namun kegagalan guru-guru pendidikan khas menguasainya menyebabkan amalan pengajaran ini tidak dapat digunakan dalam bilik darjah. Misalnya, amalan penggunaan komunikasi seluruh yang tidak diberi penekanan oleh guru-guru pendidikan khas juga menyebabkan MBPK ketidakupayaan pendengaran mengalami kesusahan kerana gurunya tidak dapat mengajar mereka dengan lancar serta tidak dapat menjelaskan sesuatu atau memberi contoh selanjutnya kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran. Isu ini juga mengakibatkan seseorang guru itu tidak dapat mengesan kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid semasa proses PdPc (Ngobeni, Maimane, & Rankhumise, 2020).

Sehubungan dengan itu, tahap kepuasan yang rendah terhadap kerja hakikinya mempengaruhi beban kerja guru, kerjasama guru lain dan sebagainya (Toropova,





Myrberg, & Johansson, 2020). Hal ini demikian kerana, dalam usaha melahirkan MBPK yang berwibawa, tenaga pengajar terutamanya di PPKI Masalah Pendengaran sering mengalami beberapa cabaran dalam aspek pelaksanaan PdPc yang sangat berkait dengan amalan guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran. Misalnya, kajian dalam Malaysia oleh Hannah, Rosadah dan Manisah (2019) berpendapat bahawa guru-guru pendidikan khas pula berhadapan dengan pelbagai cabaran pada abad ke-21 seperti komitmen dan bebanan tugas, tahap kompetensi guru yang rendah, pembangunan profesionalisme guru yang terhad, keterasingan program pendidikan khas dalam sistem pendidikan, dan ketandusan sokongan ibu bapa.

Kenyataan Weber (2016) turut membuktikan bahawa mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran adalah lebih mencabar dan memberi tekanan kepada tenaga pengajar. Oleh itu, isu tenaga pengajar yang kurang bersedia, tidak terlatih serta bukan opsyen pendidikan khas akan mencerminkan kemerosotan kemenjadian murid pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran secara berterusan (Ab Aiziz & Siti Rubiyani, 2018). Walaupun kajian Nur Hidaya dan Mohd Khata (2019) membuktikan bahawa guru-guru pendidikan khas di Malaysia menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi untuk mendidik MBPK, namun kajian Ab Aiziz dan Siti Rubiyani (2018) membuktikan bahawa pencapaian akademik MBPK ketidakupayaan pendengaran pada tahap yang tidak memuaskan dan lemah dalam beberapa subjek akibat daripada isu tenaga pengajar yang menghadapi pelbagai cabaran membawa kesan terhadap pelaksanaan PdPc yang kurang efektif berdasarkan analisis Kajian Incheon Strategi.

Dari perspektif lain pula, Ruppar, Dalsen dan Neeper (2016), pula menyokong kenyataan di atas dengan berpendapat bahawa guru-guru pendidikan khas yang bukan



opsyen pendidikan khas menghadapi pelbagai cabaran sebab kurang bersedia untuk memenuhi keperluan pendidikan khas seperti penguasaan kemahiran komunikasi, dan pengajaran yang intensif kepada MBPK. Hal ini demikian kerana guru pendidikan khas yang berkompetensi harus dilahirkan dengan mempunyai kebijaksanaan yang tinggi serta mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap untuk menyumbang ke arah kemenjadian MBPK melalui pedagogi secara menyeluruh (Noor Aini, Norhafizah, & Hanifah, 2015). Maka, demi meningkatkan pencapaian MBPK ketidakupayaan pendengaran, kajian Chao, Lorenzo, Saorin, Cantero dan Diaz (2020) berpendapat bahawa kualiti pengajaran seseorang guru harus dimaksimumkan supaya penguasaan seseorang MBPK dalam sesuatu subjek itu dapat ditingkatkan.

Selaras dengan meningkatkan kemahiran dan kualiti guru pendidikan khas,

pihak KPM dan pelbagai agensi luaran sedang melaksanakan pelbagai usaha. Antaranya, seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) telah melaksanakan beberapa tindakan yang bertujuan agar guru-guru pada masa kini dapat menghadapi cabaran-cabaran dalam proses pengajaran (Norliah & Mohd Hanafi, 2016). Seterusnya, usaha menaiktarafkan Maktab Perguruan ke Institut Pendidikan Guru untuk melahirkan guru pendidikan khas yang berkualiti dengan berijazah melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam beberapa opsyen pendidikan khas seperti masalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran (Ros Eliana & Norhanan, 2017).

Pada masa yang sama, kerangka pengurusan prestasi bersesuaian dengan Peta Strategik Institut Pendidikan Guru yang menyatakan perkhidmatan berkualiti menyokong kepada kejayaan misi (IPGM, 2018). Sehubungan dengan itu, kajian Michael Dzulkiflee dan Anthony (2019) menyatakan bahawa Latihan Pembangunan

Staf (LPS) Penataran Inisiatif Pemantapan Pelaksanaan Praktikum khusus untuk guru pembimbing praktikum termasuklah bagi subjek Pendidikan Khas telah pun dijalankan. Selain itu, pihak KPM juga mewujudkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Masalah Pendengaran dengan hasil usaha bersama Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks. KSSRPK ini dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid, dan pendidikan seumur hidup (Mohd Huzaimi, Zolkepli & Norasmah, 2020).

Meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengurangkan kekangan-kekangan guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran daripada pelbagai aspek serta mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap amalan pengajaran sebagai alternatif yang boleh diambil untuk mengatasi cabaran demi meningkatkan kualiti pedagogi seseorang guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran. Terdapat beberapa kajian membuktikan bahawa garis panduan pendidikan khas yang sedia ada ini kurang efektif dan tidak mengandungi semua elemen yang penting yang boleh membantu seseorang guru pendidikan khas untuk meningkatkan pengetahuan mengenai amalan pengajaran yang baik demi melaksanakan sesuatu PdPc. Misalnya, kajian Shariza Said et al (2014) berpendapat bahawa guru-guru pendidikan khas yang terlibat dalam kajiannya memerlukan panduan yang merangkumi pelbagai cadangan penambahbaikan terhadap amalan pengajaran guru pendidikan khas masalah pendengaran dan pihak-pihak yang terlibat dalam bidang Pendidikan Khas pula perlu digesa untuk mengambil inisiatif ini untuk menambah baik amalan pengajaran seseorang guru pendidikan khas.



Kenyataan ini juga turut disokong oleh Abu Yazid dan Siti Nurliyana (2020) dalam kajian mereka iaitu guru-guru pendidikan khas yang terlibat dalam kajian tersebut mempunyai pengetahuan pedagogi dan kemahiran pengajaran serta pengetahuan pengawalan tingkah laku murid yang rendah kerana tidak mempunyai satu panduan yang khusus kepada guru pendidikan khas yang mempunyai pelbagai cadangan penambahbaikan terhadap amalan pengajaran guru pendidikan khas masalah pendengaran.

Dengan mengambil kira pelbagai pandangan dari beberapa sudut yang berbeza, kajian ini wajar dilaksanakan demi mengenalpasti amalan pengajaran yang efektif guru pendidikan khas yang mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran serta meningkatkan kemenjadian MBPK ketidakupayaan pendengaran melalui mengidentifikasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan pengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran. Hasil daripada itu, pelbagai cadangan penambahbaikan perlu dikaji dan perlu diutarakan oleh penyelidik sebagai panduan untuk meningkatkan amalan pengajaran guru pendidikan khas yang mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran. Hal ini demikian kerana kemenjadian seseorang murid pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran berada pada tangan guru pendidikan khas yang berdedikasi dan mampu menjalankan kerja hakikinya tanpa sebarang halangan.





## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijurus kepada tiga objektif kajian iaitu:

- i) meneroka amalan pengajaran guru pendidikan khas terhadap MBPK Ketidakupayaan Pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
- ii) mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas dalam amalan pengajaran MBPK ketidakupayaan pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
- iii) menganalisis cadangan penambahbaikan untuk menghasilkan modul panduan amalan pengajaran MBPK ketidakupayaan pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).



## 1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji merumuskan beberapa persoalan yang perlu dikaji berkenaan amalan pengajaran terbaik kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Antara persoalan utama yang telah dikaji adalah seperti berikut:

- i) Apakah amalan pengajaran kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?
- ii) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas dalam pengajaran kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?
- iii) Apakah cadangan untuk menghasilkan modul panduan amalan pengajaran kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?






## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual pula bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian (Nik Zulkarnain, 2017). Secara umumnya, kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian. Ia bertindak sebagai sumber panduan kepada penyelidik dalam meneliti elemen-elemen yang terlibat dalam kajiannya. Misalnya, merujuk Rajah 1.1 kerangka konseptual mengandungi faktor-faktor penyebab kepada fenomena yang dikaji, pemboleh ubah, teori yang mendasari kajian serta bagaimana elemen-elemen ini berkaitan antara satu sama lain. Kerangka konseptual kajian ini telah dihasilkan berdasarkan *Model Framework Teaching* (Danielson, 2007).

Kerangka kajian ini dalam Rajah 1.1 dibina bagi melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang hendak dikaji. Ia menunjukkan hubungan antara konstruk-konstruk pendam yang dikaji iaitu amalan pengajaran guru pendidikan khas yang merangkumi empat aspek seperti kemahiran komunikasi, penggunaan strategi pengajaran yang sesuai, perancangan aktiviti PdPc yang sesuai dan pengurusan bilik darjah serta cabaran-cabarannya dalam melaksanakannya oleh guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran yang terdiri daripada beberapa aspek seperti sikap murid, kemahiran dan pengetahuan guru, beban tugas dan komitmen guru, prasarana dan kemudahan di sekolah, kandungan kurikulum dan sokongan pentadbir. Kerangka konseptual kajian ini juga membincangkan cabaran-cabarannya mempengaruhi amalan pengajaran guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran. Hasil daripada analisis itu, pengkaji telah mengenalpasti amalan terbaik pelaksanaan pengajaran guru pendidikan khas kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran. Ekoran daripada penentuan amalan terbaik, pengkaji telah menyatakan



beberapa cadangan untuk menghasilkan modul panduan pelaksanaan pengajaran guru pendidikan khas kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran walaupun garis panduan pengoperasian pendidikan khas telah dibekalkan oleh Bahagian Pendidikan Khas pada tahun 2013.



*Rajah 1.1. Kerangka Kajian Pengadaptasian Model Framework of Teaching (Danielson, 2007)*

### 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah merupakan pengertian atau makna bagi sesuatu perkataan atau ayat tertentu. Dalam kajian ini yang melibatkan amalan terbaik pengajaran guru kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

### **1.7.1 Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran**

Secara umumnya, amalan pengajaran dalam konteks kajian ini boleh didefinisikan sebagai kebolehan seseorang murid untuk mengorganisasikan pendidikan yang terbaik kepada murid sebagai penyerahan profesion perguruan (Hadibah Hushaini, Zulkiffli Osman, & Anida, 2020). Tambahan pula, amalan pengajaran yang berfokuskan dalam kajian ini juga menuju ke arah pengajaran berasaskan penglibatan murid, holistik, autentik dan pengajaran berasaskan cabaran. Justeru, menurut kajian Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) amalan pengajaran yang berkait rapat dengan kajian ini adalah pelaksanaan PdPc dengan pelbagai kaedah, strategi, teknik, pendekatan dan resos supaya memastikan hubungan bilik darjah guru dengan murid berkesan serta mengekalkan tumpuan murid sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Justeru, guru yang mengamalkan amalan pengajaran yang bermakna di dalam bilik darjah akan bijak mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan bahan bantu belajar (BBB), mendalami isi kandungan yang hendak diajar (Shahril, 2016).

Dari sudut yang khusus berkaitan dengan dunia pendidikan khas, Kama Shaffei (2019) menekankan bahawa guru yang beramalan pengajaran berperanan untuk meningkatkan motivasi murid supaya mencungkil minat dan potensi murid terhadap PdPc seseorang guru. Hal ini demikian kerana, kenyataan itu juga turut disokong oleh Erbas (2017) di mana beliau berpendapat bahawa bilik darjah MBPK ketidakupayaan pendengaran mungkin merangkumi pelbagai jenis pelajar maka guru-guru pendidikan khas perlu mempunyai kemahiran mempertimbangkan keperluan murid-murid yang pelbagai dalam bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, amalan terbaik dalam melaksanakan pengajaran lebih bertumpu kepada kemahiran keseluruhan yang perlu

ada pada seseorang guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran dalam melaksanakan PdPc kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran. Misalnya, strategi seperti penggunaan kaedah komunikasi yang sesuai, penggunaan BBB yang berkesan, penyediaan bilik darjah yang kondusif kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran dan sentiasa mempunyai hubungan bilik darjah yang baik bersama MBPK ketidakupayaan pendengaran merupakan antara amalan yang perlu ada pada guru pendidikan khas yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran (National Deaf Children's Society, 2016).

### **1.7.2 Guru – Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran**

Dalam konteks kajian ini, guru pendidikan khas masalah pendengaran diistilahkan sebagai seorang pendidik yang pakar dalam bidang pemerolehan bahasa dan komunikasi MBPK ketidakupayaan pendengaran (Dorn, 2019). Guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran merupakan insan terdekat kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran dari aspek pengajaran dan pembelajaran, pengurusan, kaunseling dan sebagainya seperti ditekankan dalam konteks kajian ini.

Guru pendidikan khas yang difokuskan dalam kajian ini adalah lebih kepada guru yang bijak mengadaptasikan kurikulum aliran perdana untuk kegunaan aliran pendidikan khas dan berupaya untuk mengajar pelbagai mata pelajaran seperti mata pelajaran bahasa, matematik dan sains kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran (Dashwini, 2019). Guru pendidikan khas dalam kajian ini bukan sahaja berperanan untuk mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran dari segi akademik malah mereka juga diamanahkan untuk membentuk murid pendidikan khas yang mampu boleh



berdikari dengan mengimplementasikan kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran literasi dan komunikasi kepada mereka.

Sementelahan, seorang guru pendidikan khas masalah pendengaran yang difokus dalam kajian ini ialah seorang pendidik yang terlatih khas untuk memberi sokongan pendidikan kepada murid serta keluarga murid pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran (Boerrigter, Vermeulen, Marres, Mylanus, & Langereism, 2019). Guru pendidikan khas masalah pendengaran juga diistilahkan sebagai seorang jurubahasa kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran yang menterjemahkan dan menyampaikan komunikasi seluruh dalam bahasa isyarat, mimik muka, ekspresi lisan, ejaan jari dan bahasa badan kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran. Menurut Simpson (2017), guru Pekak adalah seorang guru yang berkelayakan dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memberikan pengajaran yang berkualiti kepada pelajar arus perdana dan dengan kelayakan dan kepakaran tambahan yang diperlukan dalam mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran.

### 1.7.3 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran

MBPK ketidakupayaan pendengaran dalam kajian ini pula didefinisikan sebagai kanak-kanak yang mempunyai deria dengar yang tidak dapat berfungsi langsung dan kategori separuh pekak yang mempunyai deria dengar yang boleh berfungsi dengan sokongan alat bantu dengar (ABD) dan pacakan koklea (Scott & Hansen, 2019). Dalam bidang perubatan dan pendidikan kanak-kanak ketidakupayaan pendengaran di kategorikan mengikut tahap kehilangan pendengaran mereka. Menurut Pusat Perubatan Universiti





Kebangsaan Malaysia (2018), ukuran kehilangan pendengaran ditentukan mengikut keupayaan individu mendengar kekuatan bunyi yang diukur mengikut ukuran desibel. (seperti dinyatakan dalam Jadual 1.1 berikut)

Jadual 1.1

*Tahap pendengaran individu menurut Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (2019).*

Unit Desibel(dB)	Tahap Pendengaran
0-20 dB	Biasa ( <i>Normal</i> )
21-45 dB	Ringan
46-70 dB	Sederhana
71-90 dB	Teruk ( <i>severe</i> )
91 dB ke atas	Sangat Teruk( <i>Profound</i> )



Berdasarkan Jadual 1.1 kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran di bawah 70 dB di kedua-dua belah telinga diklasifikasikan mengalami ketidakupayaan pendengaran sederhana atau ringan dan dikategorikan sebagai kanak-kanak biasa manakala kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran atau tidak mendengar di kedua-dua belah telinga melebihi 71 dB ke atas sebagai teruk dan sangat teruk. Berdasarkan diagnosis oleh Kementerian Kesihatan, kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran melebihi 71 dB akan ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran) atau di mana-mana sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Justeru, MBPK ketidakupayaan pendengaran yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai tahap kehilangan desibel seperti dinyatakan dalam data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) dalam lampiran J. Majoriti MBPK dalam kajian ini terdiri daripada tahap



kehilangan deria pada tahap kepekaan sederhana iaitu 21 dB – 41 dB dan ada juga MBPK yang berada pada tahap teruk dan *profound*. Tambahan pula, MBPK ketidakupayaan pendengaran yang diajar oleh guru-guru pendidikan khas dalam kajian ini adalah terdiri daripada MBPK ketidakupayaan pendengaran yang mempunyai masalah pelbagai (*multiple disabilities*) seperti *Global Development Delay*, *Attention Defisit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, *Autisme* ringan, dan *Specific Learning Disability* (Data APDM, 2023).

#### 1.7.4 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Program integrasi merupakan sebuah program yang ditubuhkan dan ditadbir sepenuhnya oleh Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri di sekolah rendah

dan menengah biasa harian secara bersepada atau berintegrasi (Choon, 2011). Program ini dijalankan di sekolah harian biasa dengan mewujudkan kelas untuk MBPK (Bahagian Pendidikan Khas, 2020). Dalam konteks kajian ini, program integrasi ini diwujudkan untuk MBPK ketidakupayaan pendengaran supaya memastikan MBPK ketidakupayaan pendengaran ini mendapat pendidikan dalam persekitaran terhadap yang minimum.

PPKI dalam konteks kajian ini juga membuka ruang kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran bergaul dengan murid biasa dan tidak rasa terpinggir. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Menurut Mohamad Taib (2018), Program PPKI memastikan bahawa MBPK dapat belajar dalam persekitaran yang tidak terhad serta membolehkan mereka belajar secara normal dalam



persekitaran pembelajaran yang luas bersama-sama dengan murid-murid lain. Ini juga meningkatkan kemahiran sosial melalui berkomunikasi dengan MBPK dan rakan sebaya yang terdiri daripada murid aliran perdana melalui dalam aktiviti sekolah.

## 1.8 Batasan Kajian

Fokus kajian ini terbatas kepada amalan terbaik pengajaran guru kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran di PPKI di sekolah rendah harian biasa sahaja. Kejayaan seseorang murid pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran ada pada guru pendidikan khasnya yang mahir dalam bidangnya. Demi membentuk guru pendidikan khas yang berkualiti, pengenalpastian rintangan-rintangan yang dihadapi oleh mereka itu sangat penting.



Berdasarkan Data Pendidikan Khas (2020), jumlah sekolah rendah harian biasa yang menawarkan pendidikan khas dalam negeri tersebut adalah seramai 159 buah sekolah manakala 57 buah sekolah menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi masalah pendengaran. Namun demikian, demi menepati objektif kajian, kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah rendah harian biasa yang menawarkan Program Pendidikan Khas (PPKI) Masalah Pendengaran di Selangor. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian atas beberapa sebab seperti mempunyai tenaga pendidik pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran yang ramai serta populasi MBPK dalam sekolah tersebut secara ramai dan bukan semua sekolah mempunyai guru-guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran yang bertauliah. Kenyataan ini juga disokong oleh Creswell (2013) di mana pemilihan lokasi kajian perlu selaras dengan kehendak objektif kajian serta sesuai dengan ciri-ciri peserta kajian yang hendak dikaji.





Selain itu, sekolah tersebut juga merupakan satu-satunya sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pendengaran di daerah tersebut. Malahan, pengkaji juga telah sedia maklum mengenai maklumat sekolah di mana guru-guru pendidikan khas di sekolah tersebut juga rakan kepada pengkaji. Faktor ini memudahkan proses pelaksanaan kajian ini kerana pengkaji lebih mudah untuk mengakses dan mendapatkan sokongan daripada guru-guru pendidikan khas dalam lokasi kajian tersebut. Justeru, pembatasan juga perlu dilakukan berdasarkan kekangan dan had waktu yang dihadapi oleh penyelidik. Sehubungan dengan itu, lokasi kajian ini juga terletak di kawasan yang memudahkan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan. Tambahan pula, PPKI ini di bawah pentadbiran salah sebuah sekolah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Hal ini demikian kerana, pelaksanaan PdPc, penulisan rancangan pengajaran harian (RPH), kaedah pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD), perancangan program sekolah perlu menepati dengan kandungan TS25.

Dari aspek subjek kajian pula, kajian ini terbatas kepada guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi masalah pendengaran dari sekolah tersebut seramai enam orang. Kajian ini terbatas kepada responden kajian dari Program Pendidikan Khas Integrasi masalah pendengaran dari sebuah sekolah tersebut sahaja. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru pendidikan khas masalah pendengaran yang berkhidmat di seluruh sekolah rendah harian biasa yang menawarkan program PPKI masalah pendengaran di Malaysia.





## 1.9 Kesimpulan

Keseluruhan daripada huriaian bab ini, dapat dirumuskan bahawa kajian ini merangkumi perbincangan mengenai objektif dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan aspek-aspek dengan terperinci tentang keperluan dan fokus kajian yang dijalankan. Pengenalpastian cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas dalam pelaksanaan pendidikan kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran menjadi fokus kajian supaya meningkatkan kemahiran guru-guru pendidikan khas dengan mencadangkan pelbagai cadangan penambahbaikan kepada guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran. Setelah menganalisis beberapa bukti empirikal dalam pernyataan masalah, kajian ini merupakan kajian yang stabil untuk dilaksanakan bagi membimbing guru-guru pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran dalam mendidik MBPK ketidakupayaan pendengaran.

